

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB TUAN OSCAR LING CHAI YEW
KAWASAN : SIBU

SOALAN :

YB TUAN OSCAR LING CHAI YEW minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan perkembangan terkini Pan Borneo Highway Sarawak. Bagaimana penyelesaian untuk masalah keadaan permukaan jalan yang teruk pada masa sekarang.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak melibatkan kerja-kerja menaiktaraf jalan sedia ada kepada 4 lorong 2 hala (*dual carriageway*) sepanjang 1,064 km dari Telok Melano hingga ke Lawas.

Sehingga 31 Mei 2019, prestasi kemajuan fizikal keseluruhan bagi Fasa 1 Projek Lebuhraya Pan Borneo Negeri Sarawak melibatkan jajaran dari Telok Melano hingga ke Miri ialah sebanyak 45% berbanding jadual 43%. Manakala bagi Fasa 2 projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak, Kementerian Kerja Raya (KKR) sedang menjalankan kerja-kerja awalan bagi Jalan Perhubungan Sarawak - Sabah (Sarawak - Sabah Link Road) yang tidak melalui Negara Brunei Darussalam. Jajaran tersebut melibatkan kawasan pedalaman di utara negeri Sarawak iaitu kawasan Baram, Limbang dan Lawas dan seterusnya menghubungkan ke negeri Sabah (Sindumin dan Long Pasia).

Selaras dengan usaha Kerajaan mengoptimumkan kos projek-projek yang memberi implikasi yang tinggi kepada Negara, mekanisme pelaksanaan projek Lebuhraya Pan Borneo di Sarawak sedang diteliti semula dengan mengekalkan spesifikasi dan skop asal. Proses penelitian tersebut turut mengambil kira kaedah alternatif terbaik yang tidak menjejaskan kelangsungan dan aspek keselamatan projek yang dijangka akan dimuktamadkan dalam masa terdekat.

Sehubungan itu Kementerian Kerja Raya dan Jabatan Kerja Raya Sarawak akan memastikan Kontraktor Pakej Kerja yang dilantik melaksanakan penyenggaraan dan pembaikan sewajarnya di sepanjang jajaran projek Lebuhraya Pan Borneo di Sarawak khususnya dari Sibu ke Bintulu/Miri.

Sekian, terima kasih.